

Guna perkhidmatan MRT pergi makan ketam

PETALING JAYA – Pembukaan Stesen Transit Aliran Massa (MRT) Surian berjaya meningkatkan kehadiran pelanggan ke Restoran Chilli's Crab.

Pemilik Restoran Chilli's Crab, Hanisa Abd. Rahman (**gambar**), 29, berkata, kini pelanggan boleh menikmati hidangan makanan laut dengan lebih mudah dan selesa tanpa perlu memikirkan masalah kesesakan lalu lintas serta parkir selepas perkhidmatan MRT dibuka sejak 16 Disember lalu.

“Dahulu pelanggan kerap mengeluh kerana sukar untuk mendapatkan parkir dan terpaksa menghadapi kesesakan jalan raya sekiranya



ingin menuju ke sini, namun kini majoriti pelanggan dari luar Kota Damansara mengakui bahawa perjalanan menjadi lebih mudah dengan menggunakan MRT.

“Sebaik sahaja turun di Stesen MRT Surian, pelanggan hanya perlu berjalan sejauh lebih kurang 500 meter untuk menikmati keenakan ketam segar yang diimport dari Indonesia,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Restoran Chilli's Crab yang dibuka sejak lima tahun lalu



menyediakan makanan laut ketam sebagai bahan utama dalam menu masakannya seperti Kum Heong Crab, Salted Egg Crab, Lemak Cili Api Crab dan Chilli Crab.

“Restoran kami cuti pada hari Rabu minggu pertama dan ketiga setiap bulan, jadi ia merupakan lokasi yang selesa juga sesuai kepada semua untuk menikmati makan tengah hari serta makan malam,” tambah Hanisa.

Seorang pelanggan tetap restoran tersebut, Kamarul Ariffen Munajat, 32, berkata, restoran tersebut sering

INFO **Restoran Chilli's Crab**
Lokasi: Jalan PJU 5/9, Dataran Sunway, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor
Stesen MRT: Surian (500 meter dari stesen)
Telefon: 03-6141 6033
Waktu Operasi: Setiap hari pukul 11 pagi hingga 11 malam
Facebook: Chilli's CRAB Restaurant
Instagram: Chilliscrabrestoran

disyorkan kepada rakan-rakannya kerana keenakan serta kesegaran ketam yang digunakan sebagai bahan utama dalam masakan.